




Program Rezeki Tani merupakan sebuah program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan yang diselenggarakan pelaksanaannya oleh Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

## Objektif Program

 Membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui pemberian bantuan projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran / pemprosesan / pengedaran / pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan;

 Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan-latihan yang disediakan; dan

 Mengenal pasti peserta-peserta yang berpotensi untuk dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi.

## Kriteria Peserta

- 1) Berdaftar dalam Sistem eKasih;
- 2) Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,650;
- 3) Berminat, berpengalaman, berkemahiran atau sedang menjalankan aktiviti pengeluaran / pemprosesan / pengedaran / pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan;
- 4) Tidak pernah menerima sebarang bantuan ekonomi; dan
- 5) Berumur di antara 18 hingga 60 tahun.

## Pertanyaan:

Unit Rezeki Tani, Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani, MAFI  
Tel : 03-8870 4391 / 1798 / 3192

## Bantuan Ditawarkan

Pemberian *in-kind* dan latihan mengikut keperluan projek peserta dengan nilai maksimum RM10,000.

### Skop Projek:

Projek ekonomi yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek iaitu di antara 3 hingga 6 bulan pelaksanaannya merangkumi:



Pertanian bagi tanaman singkat masa.



Penternakan bagi penambahan input projek sedia ada.



Perikanan bagi penambahan input projek sedia ada.



Pemasaran hasil pertanian, penternakan dan perikanan.



Pemprosesan dan pemasaran produk makanan dan bukan makanan berasaskan pertanian termasuk jualan makanan dan minuman.

## Kaedah Pelaksanaan Program

Pencarian dan bancian peserta dijalankan oleh jabatan / agensi pelaksana di bawah MAFI iaitu:

- Jabatan Pertanian (DOA)
- Jabatan Perikanan (DOF)
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
- Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
- Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan, calon peserta juga boleh mengemukakan permohonan kepada jabatan / agensi pelaksana di bawah MAFI.